

11/11/1998

Kelab Pengguna SIF mahu kekal pencapaian

KELAB Pengguna Sekolah Menengah Ibrahim Fikri (SIF), Terengganu yang memenangi anugerah kategori Kelab Pengguna Sekolah Terbaik 1997 peringkat kebangsaan yang diumumkan baru-baru ini, akan terus berusaha mengekalkan pencapaian mereka tahun depan.

Pengetuannya, Azizah Mohd Salleh, tidak menjangka memenangi anugerah itu kerana pencapaian sekolah itu sebagai naib johan anugerah sama pada 1996, sudah cukup membanggakan.

Katanya, kerjasama tiga guru penasihat dan kewibawaan setiausaha, pengerusi dan ahli jawatankuasa kelab yang sering menjalankan pelbagai aktiviti adalah punca utama kejayaan kelab itu.

"Kejayaan ini adalah berkat usaha semua pihak yang terbabit menjayakan kelab pengguna sekolah dan penubuhannya pada 1993 ternyata tidak sia-sia kerana ia memberi banyak manfaat kepada pelajar sekolah ini," katanya.

Azizah berkata, beliau akan terus memberi sokongan semua aktiviti yang dilaksanakan oleh kelab itu tahun depan.

"Beberapa perancangan sudah diatur oleh kelab ini tahun depan, antaranya menubuhkan pasukan koir, mengumpul kertas terpakai dan membersihkan kawasan masjid dan kubur," katanya.

Azizah berharap lebih ramai pelajar menjadi ahli kelab sekolah itu yang kini mempunyai kira-kira 200 ahli.

SIF yang menerima anugerah itu ketika sambutan Hari Pengguna Sedunia 1998, di Kuala Lumpur baru-baru ini mendapat hadiah wang tunai RM3,000, piala dan sijil penghargaan daripada Pendana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

(END)